



20 Julai 2023
20 July 2023
P.U. (A) 220

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT
MALAYSIA (ASAS BAGI PENGIRAAN PREMIUM
PERTAMA DAN PREMIUM TAHUNAN BERKENAAN
DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT) 2023

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(BASIS FOR CALCULATION OF FIRST PREMIUM AND
ANNUAL PREMIUM IN RESPECT OF DEPOSIT-TAKING
MEMBERS) ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(ASAS BAGI PENGIRAAN PREMIUM PERTAMA DAN PREMIUM TAHUNAN BERKENAAN
DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 47A(1)(a), 49(1)(a), 49A(1)(a) dan 49A(2)(a) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Asas bagi Pengiraan Premium Pertama dan Premium Tahunan berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2023**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 21 Julai 2023.

Asas pengiraan premium pertama

2. (1) Premium pertama yang kena dibayar oleh suatu anggota penerima deposit baharu di bawah subseksyen 47(1) Akta hendaklah dikira berdasarkan asas jumlah deposit diinsuranskan yang dipegang oleh anggota penerima deposit baharu itu pada hari terakhir bulan kalendar yang anggota penerima deposit baharu itu menjadi institusi anggota.

(2) Premium pertama yang kena dibayar oleh suatu anggota penerima deposit baharu di bawah subseksyen 47(2) Akta hendaklah dikira berdasarkan asas seperti yang berikut:

(a) jika suatu pihak pemindah merupakan anggota penerima deposit, berdasarkan asas jumlah deposit diinsuranskan yang dipegang oleh pihak pemindah itu pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya;

- (b) jika suatu pihak pemindah merupakan anggota penerima deposit yang diluluskan di bawah perenggan 15(1)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam dan perniagaan perbankan Islam pihak pemindah itu dipindahkan kepada anggota penerima deposit baharu itu, berdasarkan asas jumlah deposit diinsuranskan yang dipegang oleh pihak pemindah itu yang berhubungan dengan perniagaan perbankan Islam pihak pemindah itu pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya; dan
- (c) jika suatu pihak pemindah merupakan bukan anggota penerima deposit, berdasarkan asas jumlah deposit diinsuranskan yang berhubungan dengan perniagaan yang dipindah daripada pihak pemindah itu kepada anggota penerima deposit baharu itu pada tarikh pemindahan.

Asas pengiraan premium tahunan

3. (1) Premium tahunan yang kena dibayar oleh suatu anggota penerima deposit di bawah subseksyen 48(1) Akta hendaklah dikira berdasarkan asas jumlah deposit diinsuranskan yang dipegang oleh anggota penerima deposit itu pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya.

(2) Premium tahunan yang kena dibayar oleh anggota penerima pindahan di bawah perenggan 49A(1)(a) Akta hendaklah dikira berdasarkan asas seperti yang berikut:

- (a) jika suatu pihak pemindah merupakan anggota penerima deposit, berdasarkan asas jumlah deposit diinsuranskan yang dipegang oleh anggota penerima pindahan itu pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya dan jumlah deposit diinsuranskan yang dipegang oleh pihak pemindah itu pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya;

- (b) jika suatu pihak pemindah merupakan anggota penerima deposit yang diluluskan di bawah perenggan 15(1)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam dan perniagaan perbankan Islam pihak pemindah itu dipindahkan kepada anggota penerima pindahan, berdasarkan asas jumlah deposit diinsuranskan yang dipegang oleh anggota penerima pindahan itu pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya dan jumlah deposit diinsuranskan yang dipegang oleh pihak pemindah itu yang berhubungan dengan perniagaan perbankan Islam pihak pemindah itu pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya; dan
- (c) jika suatu pihak pemindah merupakan bukan anggota penerima deposit, berdasarkan asas jumlah deposit diinsuranskan yang dipegang oleh anggota penerima pindahan itu pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya dan jumlah deposit diinsuranskan yang berhubungan dengan perniagaan yang dipindah daripada pihak pemindah itu kepada anggota penerima pindahan itu pada tarikh pemindahan.

(3) Premium tahunan tambahan yang kena dibayar oleh anggota penerima pindahan di bawah perenggan 49A(2)(a) Akta hendaklah, berkenaan dengan suatu pihak pemindah yang merupakan bukan anggota penerima deposit, dikira berdasarkan asas jumlah deposit diinsuranskan yang berhubungan dengan perniagaan yang dipindah daripada pihak pemindah kepada anggota penerima pindahan itu pada tarikh pemindahan.

Dibuat 19 Julai 2023
[PIDM/PN/4/2023; PN(PU2)689/JLD.8]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (BASIS FOR CALCULATION OF
FIRST PREMIUM AND ANNUAL PREMIUM IN RESPECT OF DEPOSIT-TAKING
MEMBERS) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 47A(1)(a), 49(1)(a), 49A(1)(a) and 49A(2)(a) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [Act 720], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Basis for Calculation of First Premium and Annual Premium in respect of Deposit-Taking Members) Order 2023**.

(2) This Order comes into operation on 21 July 2023.

Basis for calculation of first premium

2. (1) The first premium payable by a new deposit-taking member under subsection 47(1) of the Act shall be calculated on the basis of the total insured deposits held by the new deposit-taking member as at the last day of the calendar month in which the new deposit-taking member becomes a member institution.

(2) The first premium payable by a new deposit-taking member under subsection 47(2) of the Act shall be calculated on the basis as follows:

(a) where a transferring party is a deposit taking member, on the basis of the total insured deposits held by the transferring party as at 31 December of the preceding assessment year;

(b) where a transferring party is a deposit-taking member approved under paragraph 15(1)(a) of the Financial Services Act 2013 [Act 758] to carry on Islamic banking business and the Islamic banking business of the transferring party is transferred

to the new deposit-taking member, on the basis of the total insured deposits held by the transferring party relating to the Islamic banking business of the transferring party as at 31 December of the preceding assessment year; and

- (c) where a transferring party is a non-deposit taking member, on the basis of the total insured deposits relating to the business transferred from the transferring party to the new deposit-taking member as at the transfer date.

Basis for calculation of annual premium

3. (1) The annual premium payable by a deposit-taking member under subsection 48(1) of the Act shall be calculated on the basis of the total insured deposits held by the deposit-taking member as at 31 December of the preceding assessment year.

(2) The annual premium payable by the transferee member under paragraph 49A(1)(a) of the Act shall be calculated on the basis as follows:

- (a) where a transferring party is a deposit-taking member, on the basis of the total insured deposits held by the transferee member as at 31 December of the preceding assessment year and the total insured deposits held by the transferring party as at 31 December of the preceding assessment year;
- (b) where a transferring party is a deposit-taking member approved under paragraph 15(1)(a) of the Financial Services Act 2013 to carry on Islamic banking business and the Islamic banking business of the transferring party is transferred to the transferee member, on the basis of the total insured deposits held by the transferee member as at 31 December of the preceding assessment year and the total insured deposits held by the transferring party relating to the Islamic banking business of

the transferring party as at 31 December of the preceding assessment year; and

- (c) where a transferring party is a non-deposit taking member, on the basis of the total insured deposits held by the transferee member as at 31 December of the preceding assessment year and the total insured deposits relating to the business transferred from the transferring party to the transferee member as at the transfer date.

(3) The additional annual premium payable by the transferee member under paragraph 49A(2)(a) of the Act shall, in respect of a transferring party which is a non-deposit taking member, be calculated on the basis of the total insured deposits relating to the business transferred from the transferring party to the transferee member as at the transfer date.

Made 19 July 2023
[PIDM/PN/4/2023; PN(PU2)689/JLD.8]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance